

Pemilihan MT UMNO tahun depan ditangguh selepas pilihan raya

UMNO 8 JUL 2002

BANGKOK 7 Julai — Pemilihan Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang sepatutnya berlangsung tahun depan akan ditangguhkan sehingga selesai pilihan raya umum, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO berkata, persefahaman mengenai telah dicapai di kalangan anggota MT bagi mengelakkan timbul sebarang masalah yang boleh menjajaskan tumpuan jentera parti untuk menghadapi pilihan raya umum yang dijangka diadakan tahun depan.

"Saya fikir satu persefahaman telah dicapai oleh MT supaya mengadakan pemilihan parti selepas pilihan raya supaya tidak ada gangguan," katanya kepada wartawan Malaysia sebelum berlepas pulang ke tanah air

selepas lawatan rasmi dua hari di sini hari ini.

Dr. Mahathir yang ditanya sama ada UMNO akan mengadakan pemilihan parti tahun depan memberitahu: "Kita tidak ada pemilihan parti tahun depan."

Tempoh akhir untuk pilihan raya umum akan datang ialah penghujung tahun 2004.

Bagaimanapun pemerhati politik meramalkan pilihan raya umum itu akan diawalkan pertengahan tahun depan selepas proses persempadanan semula kawasan pilihan raya selesai sekitar Jun.

Perlembagaan UMNO pula membenarkan tempoh penggal MT yang berakhir Jun tahun depan dilanjutkan selama 18 bulan.

Ditanya bagaimana proses

peralihan kuasa bagi jawatan Timbalan Perdana Menteri boleh dilakukan dalam UMNO, Dr. Mahathir berkata, dalam kesnya dulu semasa dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau tidak dilantik terus sebagai timbalan presiden, tetapi sebagai pemangku timbalan presiden.

Amalan

Menurut beliau, selepas pemilihan parti barulah beliau disahkan sebagai timbalan presiden parti.

Katanya, proses itu hanyalah satu amalan sahaja dan mungkin tidak termaktub dalam perlembagaan UMNO.

"Saya tak hendaklah (mengulas lanjut)... ini tanggungjawab bakal presiden dia sendiri buatlah," katanya.

Mengenai adakah beliau akan melakukan rombakan Kabinet ekoran kenyataannya semasa sesi dialog dengan masyarakat perniagaan Thailand dan Malaysia semalam, hendak melantik seorang menteri kewangan sepenuh masa, Dr. Mahathir berkata, beliau belum memikirkan perkara itu.

Perdana Menteri dalam ucapan penggulungannya pada Perhimpunan Agung UMNO 22 Jun lalu telah melakukan kejutan apabila mengumumkan persaraannya daripada semua jawatan parti dan kerajaan yang kemudian ditetapkan selepas Oktober 2003.

Ekoran pengumumannya itu, pelbagai pihak memberikan reaksi malah ada yang berpendapat pemimpin parti komponen

■ Lihat muka 4

Pemilihan MT UMNO tahun depan ditangguh selepas pilihan raya

Barisan Nasional yang seangkatan Dr. Mahathir juga patut mengikut jejak langkah beliau.

Mengenai pandangannya terhadap cadangan tersebut, Perdana Menteri berkata, beliau 'tidak berani' memberi ulasannya mengenai perkara itu kerana tidak mahu disalah tafsir.

"Saya mengaku (dulu) apabila hendak suruh orang undur diri sebab sudah lama (memegang sesuatu jawatan) saya berasa malu dan serba-salah sedikit kerana saya sendiri tak undur diri.

"Saya pernah buat ucapan (mengenainya) di Terengganu sebelum

pilihan raya umum dulu sebab banyak pemimpin tak hendak undur diri. Tiba-tiba orang lain (salah tafsir) kata pula dia boleh bertanding dan menggunakan kenyataan itu untuk kempen dan menang," katanya. — *Utusan*